INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)

IKLAN JAWATAN KOSONG

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN	**:**	**PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**
Gred Jawatan	:	Setara dengan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1
Taraf Jawatan	:	Perkhidmatan Pekerja Kontrak
Pusat Tanggungjawab	:	Pusat Pengurusan Kewangan, Ibu Pejabat MARDI
Penempatan	:	Program Pengurusan Belanjawan (FM1)
Tempoh Perkhidmatan	:	Satu (1) tahun
1. Syarat Lantikan	:	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. *(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau* ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. *(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau*

iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau

iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00).

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Bidang Tugas :

1. Menyediakan Agihan Peruntukan Mengikut kod belanja/lokasi projek (Masterlist).
2. Permohonan mewujudkan GL Kod kepada Program Pengurusan Perakaunan (Kod Belanja Baru) – Sekiranya kod masih belum wujud.
3. Memasukkan maklumat peruntukan tahun baru di dalam menu Budget Generation (SKBM).
4. Menyemak dan kemaskini dan mengesahkan maklumat peruntukan dalam SKBM.
5. Menyediakan laporan yang diperlukan seperti berikut :-
    - Laporan Perbelanjaan bagi peruntukan Mengurus, Pembangunan dan RND setiap bulan untuk dikemukakan kepada Y.B Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).
    - Laporan Suku Tahun Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Peringkat MOA (JPKA) 4 kali setahun.
    - Laporan perbelanjaan bagi Mesyuarat JPKM, JKLM, Lembaga Pengelola MARDI dan JPKA peringkat MARDI dan MOA.
    - Laporan Perbelanjaan Bulanan *Rolling Plan* mengikut format yang ditentukan oleh Agensi Pusat.

6. Menerima surat permohonan tambah/ pindah peruntukan dari PTJ.
7. Penyediaan laporan PC / GL Reconcilition dalam SKBM.
8. Perbezaan jumlah di antara "Budget Control / Project Costing" perlu dibuat pelarasan.
9. Maklumat di Sistem Kewangan Bersepadu MARDI (SKBM) dikemaskini dan dokumen difailkan.
10. Menjalankan arahan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan mengisi borang **MDI.1 Pindaan 1/2013** dengan lengkap beserta **salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil kelulusan Bahasa Melayu setaraf kelulusan SPM, Sijil Kelulusan Persekolahan (SPM/SPMV/STPM/STP), Sijil Kelulusan di Peringkat Pengajian Tinggi dan transkrip (PhD/Sarjana/Ijazah/Diploma) (Jika berkenaan) serta sijil-sijil lain yang berkaitan** bagi menyokong permohonan ini.

2. Semua permohonan hendaklah dikemukakan **secara pos atau e-mel** ke alamat seperti di bawah:

Pengarah
Pusat Pengurusan Kewangan (FM)
Tingkat 1, Blok D4
Ibu Pejabat MARDI
Persiaran MARDI-UPM
43400 Serdang
Selangor Darul Ehsan
(u/p: Puan Farhana Syahira binti Kamaludin)

Alamat e-mel: farhanasyahira@mardi.gov.my

3. Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

TARIKH TUTUP IKLAN: 25 NOVEMBER 2026 (RABU)

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7109 / 7107